

19 OCT 1998
Parlimen-Sidang
DEWAN RAKYAT SESI BELANJAWAN BERSIDANG ESOK

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Dewan Rakyat akan mula bersidang sepenuh hari esok, bermula pukul 10 pagi bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Parlimen yang merupakan sesi belanjawan negara tahun depan.

Menurut jadual persidangan, Dewan Rakyat akan bersidang selama lapan minggu dari 20 Okt hingga 10 Dis manakala Dewan Negara bersidang dari 7 Dis hingga 17 Dis.

Sidang dewan yang bermula pukul 10 pagi dan berakhir pukul 5.30 petang, dan berhenti rehat selama satu setengah jam pada pukul 1 hingga 2.30 petang itu adalah berikutan pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat pada Julai lepas.

Sebelum ini persidangan bermula pukul 2.30 petang hingga 6.30 petang pada hari Isnin hingga Khamis.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan 1 dijangka akan membentangkan Belanjawan 1999 hari Jumaat, 23 Okt depan.

Pada 15 Okt lalu, Dr Mahathir telah mempengerusikan mesyuarat pra-majlis yang dihadiri anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari Barisan Nasional di bangunan Parlimen.

Sidang dewan kali ini juga dijangka menyaksikan perubahan tempat duduk bagi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga anggota Parlimen Permatang Pauh, dari bahagian A sebelum ini kepada bahagian F.

Tempat duduk anggota Parlimen di dalam Dewan Rakyat dibahagikan kepada enam bahagian iaitu A,B,C,D,E dan F. Bahagian A hingga E dikhaskan kepada anggota Parlimen kerajaan mengikut jawatan mereka seperti menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen atau anggota parlimen biasa.

Bahagian F dikhaskan bagi anggota Parlimen dari parti pembangkang atau wakil bebas.

Anwar dipecat dari jawatannya 2 Sept lepas dan dari Umno sehari kemudiannya. Beliau menghadapi 10 tuduhan mahkamah berhubung rasuah dan salahlaku seks, dan kini ditahan di penjara Sungai Buloh sementara menunggu kesnya dibicarakan mulai 2 Nov depan.

-- BERNAMA
RAZ AKD